

Arah tiupan angin tidak menghala ke arah Malaysia

Letusan gunung tak jejas negara

Oleh MUHD. IRFAN AZMI

KUALA LUMPUR – Seorang pakar cuaca tempatan semalam memberitahu, debu tebal yang dihasilkan akibat letusan Gunung Agung di Bali, Indonesia tidak akan memberi impak secara langsung kepada rakyat di negara ini.

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Fredolin Tangang (gambar kecil) berkata, Malaysia tidak terkesan secara langsung berikutan arah tiupan angin sekarang bukan menghala ke arah Malaysia.

"Waktu sekarang merupakan monsun timur laut dan angin yang bertuip merentasi Laut China Selatan seterusnya bertuip ke timur Laut Jawa menuju ke arah kawasan bencana dan bukan ke arah kita," jelasnya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan lebih 60,000 pelancong dari seluruh dunia termasuk warga Malaysia - terkandas di Bali ekoran penutupan Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai.

Susulan itu, pemerintah Indonesia masih menutup lapangan terbang tersebut kerana ruang udara Bali dipenuhi debu tebal.

Bencana itu turut menjejaskan penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 ke Bali. AirAsia dan Malaysia Airlines turut membatalkan



PENDUDUK Bali dinasihatkan berpindah ekoran Gunung Agung di Bali boleh menghasilkan letusan kuat pada bila-bila masa.



KERATAN *Kosmo!* semalam.



penerbangan hingga hari ini ke destinasi pelancongan terkenal itu.

Menjelaskan lebih lanjut, Fredolin memberitahu, suhu global hanya akan mengalami perubahan jika Gunung Agung meletus pada skala besar.

"Perubahan tersebut melibatkan penurunan suhu dunia yang mampu berterusan untuk tempoh antara satu hingga dua tahun.

"Saya mengambil contoh letusan Gunung Berapi Pinatubo di Filipina yang meletus pada tahun 1991 yang berskala besar hingga menyebabkan suhu global turun mencecah 0.5

darjah selsius. Namun, untuk Gunung Agung tiada sebarang jangkaan boleh dibuat pada masa sekarang," ujarnya.

Dalam pada itu, Kementerian Luar Negeri dalam satu kenyataan berkata, Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta sedang giat memantau situasi dan kebajikan 1,959 rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelajar, pekerja dan mereka yang bekerja di Bali.

"Warganegara Malaysia yang terjejas dinasihatkan untuk sentiasa bertenang, mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan dan melapor diri dengan pihak kedutaan," kata kementerian semalam.

Kenyataan itu menambah, Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan



LAPANGAN Terbang Antarabangsa Ngurah Rai, Bali yang ditutup masih dibanjiri dengan penumpang yang ingin mengetahui status penerbangan ke negara masing-masing.

Besar Malaysia di Jakarta akan terus memantau perkembangan letusan Gunung Agung setelah situasi ditingkatkan ke tahap empat (Awat) dan Notis Pemerhatian bagi Penerbangan dinaikkan ke tahap Merah oleh Badan Nasional Penanggulangan Bencana Indonesia.

Sementara itu, kepada *Bernama*, Duta Besar Malaysia ke Indonesia Datuk

Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata, semua pelajar Malaysia di Bali dilaporkan dalam keadaan selamat.

Ketika ini, terdapat 155 pelajar Malaysia yang didaftarkan sebagai pelajar perubatan di Universitas Udayana, Bali.

● Lagi berita di muka surat 48

Untuk mendapatkan bantuan konsular, rakyat Malaysia boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta dan Pejabat Konsul Kehormat Malaysia di Bali seperti berikut:

Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta
Jl. H.R. Rasuna Said,
Kav. X/6, No. 1-3, Kuningan,
12950 Jakarta, Indonesia
Telefon: +62 215 224947
E-mel: mwjakarta@kln.gov.my

Laman Web: http://www.kln.gov.my/web/idn_jakarta/home

Konsul Kehormat Malaysia di Bali
Puri Kumara Sakti, Jalan Buntuyung
Ubud, Gianyar, 90571, Bali, Indonesia
Telefon: +62 361 973182/+62 812 37154050

E-mel: [bahihomalaysia@gmail.com](mailto:balihomalaysia@gmail.com)

Twitter: <https://twitter.com/MYEmbJKT>

Facebook: <https://www.facebook.com/EmbassyMalaysiaJakarta>



Lelaki lari daripada polis ditemui terapung

Oleh MUHD. IZUAN ROSELI

KOTA TINGGI - Gara-gara melarikan diri ketika diserbu polis, seorang lelaki warga Indonesia yang dihanyutkan arus laut sejak Isnin lalu akhirnya ditemui selamat di perairan Tanjung Penawar dekat sini kelmarin.

Lelaki berkenaan yang dikenali sebagai Hanafi berusia 45 tahun ditemui selepas sembilan jam terapung oleh kapal dagang *FPSO Perisai Kamelia* di kedudukan 2.4 batu nautika timur Tanjung Punggai pada pukul 7.30 pagi.

WARGA Indonesia yang dikenali sebagai Hanafi ditemui dalam keadaan keletihan selepas hanyut hampir sembilan jam di perairan Tanjung Penawar, Kota Tinggi kelmarin.

Timbalan Pengarah Operasi Daerah Maritim Tanjung Sedili, Maritim Malaysia (APMM), Mohammad Othman berkata, lelaki terbabit dikatakan cuba melarikan diri ketika diserbu polis di pantai itu kerana dipercayai sedang menunggu bot pancung untuk pulang ke negara asal.

"Sejurus menerima laporan daripada Pejabat Operasi Wilayah Selatan, APMM Daerah Maritim 7 Tanjung Sedili telah mengaktifkan operasi Mencari dan Menyelamat (SAR).

"Ketika mangsa ditemui, mang-

sa kelihatan sangat keletihan memandangkan mangsa hanyut hampir sembilan jam sehinggalah diselamatkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Mohammad, sebuah bot peronda dan sepasukan anggota telah bergegas ke perairan Tanjung Penawar selepas menerima laporan daripada kapal dagang terbabit bagi membantu menyelamatkan mangsa.

"Mangsa kemudiannya dibawa ke Jeti Marina di sini untuk pemeriksaan kesihatan di klinik berhampiran dan mangsa telah dibawa ke pejabat Maritim Malaysia DM 7 Tanjung Sedili untuk siasatan lanjut," katanya.